



Mahkamah Rayuan Putrajaya  
December 11, 2019  
Bahagian Litigasi Cukai,  
Jabatan Undang-Undang,  
LHDN

# MAHKAMAH RAYUAN MENGESAHKAN TAKSIRAN KE ATAS PEMILIK TUNGGAL PERNIAGAAN KERANA GAGAL MEMBUKTIKAN WUJUDNYA PERKONGSIAN

## — DNKC v KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI ISU

1. Sama ada perniagaan Perayu dalam Perniagaan SUMS adalah milikan tunggal dan bukannya perkongsian dan oleh itu pendapatan yang diterima oleh SUMS adalah dikenakan cukai ke atas DNKC ("Perayu") sebagai pemilik tunggal.
2. Sama ada pendapatan yang diperolehi Perayu melalui SUMS merupakan pendapatan kontrak.
3. Sama ada Responden sepatutnya mengagihkan 50% daripada untung bersih SUMS kepada pemilik UDGSB iaitu Dato' P dan baki 50% dikekalkan dalam SUMS.

### HAKIM

YA Datuk Abdul Karim Bin  
Abdul Jalil  
YA Dato' Lee Swee Seng  
YA Dato' Abu Bakar Bin Jais

### PEGUAM HASIL

Ahmad Isyak Mohd Hassan  
Ruzaidah Yaacob  
Aqmal Hakim Maula Maman

### FAKTA KES

1. Perayu menjalankan perniagaan jenis milikan tunggal di atas nama SUMS yang menjalankan perniagaan kontraktor pembinaan. Perayu melalui SUMS telah memasuki satu perjanjian sub-kontrak bersama Syarikat UDGSB ("perjanjian sub-kontrak") bagi satu projek Pusat Pelancongan.
2. Perayu juga telah menandatangani satu perjanjian bersama dengan pemilik UDGSB iaitu Dato' P. Perjanjian ini adalah untuk melantik Dato' P sebagai konsultan bagi projek sub-kontrak tersebut. Antara terma yang terkandung dalam perjanjian tersebut adalah: 3.1 (i) SUMS perlu membayar fi konsultansi sebanyak 13.9% atas tuntutan progresif yang diterima daripada UDGSB kepada Dato' P; (ii) SUMS perlu membayar gaji sebanyak RM5,000 sebulan kepada Dato' P mulai 1 April 2009; dan (iii) 50% daripada untung bersih SUMS perlu diagih kepada Dato' P dan baki 50% dikekalkan dalam SUMS.
3. Perayu mengatakan bahawa terdapat dua syarat yang dikenakan oleh Dato' P supaya Perayu boleh terlibat dalam projek Pusat Pelancongan tersebut, iaitu: (i) Perayu hanya menyediakan modal sebanyak RM709,500 dan (ii) Perayu menandatangani buku cek kosong SUMS. Namun Perayu gagal mengemukakan sebarang bukti bagi menyokong kenyataan tersebut.

4. Responden mengenakan cukai atas pendapatan sub-kontrak tersebut terhadap Perayu sebagai pemilik tunggal SUMS. Namun Perayu mengatakan bahawa pendapatan daripada sub-kontrak tersebut sepatutnya dikenakan cukai sebagai pendapatan perkongsian dan bukannya ke atas beliau sebagai pemilik tunggal SUMS dan memfailkan rayuan ke Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (PKCP).
  5. PKCP telah menolak rayuan Perayu dan memutuskan bahawa pendapatan yang diperolehi Perayu melalui SUMS merupakan pendapatan kontrak sebagai perniagaan milikan tunggal. PKCP juga memutuskan bahawa tiada perkongsian yang wujud di antara SUMS dan Dato' P, maka pendapatan yang diterima oleh SUMS adalah dikenakan cukai ke atas Perayu sebagai pemilik tunggal.
  6. Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan PKCP dan telah merayu ke Mahkamah Tinggi, namun rayuan tersebut telah ditolak. Perayu kemudiannya merayu ke Mahkamah Rayuan.
- 

## **HUJAHAN PERAYU**

1. Di peringkat PKCP dan Mahkamah Tinggi, hujahan Perayu adalah tertumpu kepada isu sama ada wujudnya perkongsian antara Perayu dan Dato' P yang membolehkan keuntungan bersih daripada projek tersebut dibahagikan 50% kepada Dato' P.
2. Walaubagaimanapun, di Mahkamah Rayuan Perayu tidak menghujahkan isu perkongsian tersebut tetapi membangkitkan isu sama ada pembayaran 50% daripada untung bersih kepada Dato' P sebagaimana yang dinyatakan di perenggan 3.1 (iii) perjanjian tersebut hendaklah diambil kira sebagai kos yang perlu ditolak dalam mengira pendapatan bercukai Perayu yang mana Responden tidak mengambil kira dalam membangkitkan taksiran.
3. PKCP telah menerima perjanjian antara Perayu dan Dato' P tersebut walaupun ianya tidak bertarikh dan tidak disetemkan. Namun PKCP masih gagal melihat dan mengambil kira terma-terma dalam perjanjian tersebut semasa memberikan keputusannya di mana 50% daripada untung bersih perlu dibahagikan kepada Dato' P.

## HUJAHAN RESPONDEN

1. Isu bahawa bayaran 50% daripada untung bersih kepada Dato' P perlu diambil kira sebagai kos tersebut tidak pernah dibangkitkan oleh Perayu semasa di peringkat PKCP dan Mahkamah Tinggi. Ini dapat dilihat dalam Kes Dinyatakan di mana isu yang dibicarakan adalah berkenaan sama ada ianya adalah pendapatan kontrak dan sama ada wujud perkongsian atau tidak.
2. Sekiranya Mahkamah menerima isu tersebut di peringkat rayuan ini, Responden berhujah bahawa untuk membenarkan pembayaran 50% daripada untung bersih tersebut kepada Dato' P diambil kira sebagai potongan dalam mengira pendapatan kasar Perayu, Perayu perlu membuktikan bahawa perbelanjaan tersebut telah benar-benar dilakukan melalui dokumen sokongan seperti invois, baucher bayaran, etc. Walaubagaimanapun, tiada sebarang bukti ditunjukkan oleh Perayu semasa di peringkat PKCP bagi membuktikan bayaran tersebut telah dituntut tetapi tidak dibenarkan oleh Responden dan juga bayaran tersebut benar-benar telah dilakukan.

---

## KEPUTUSAN

Mahkamah sebulat suara memutuskan rayuan Perayu tiada merit dan ditolak dengan kos.